

Husni lepas jawatan dalam parti, Kabinet

➔ **UMNO**
Tambun terkejut keputusan bekas Menteri Kewangan II

► Ipoh 24/6

Kepemimpinan UMNO Bahagian Tambun terkejut dengan keputusan Ketuanya yang juga bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah melepaskan semua jawatan dalam parti dan Kabinet, semalam.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tambun, Datuk Ami-

nuddin Md Hanafiah, berkata sehubungan itu, UMNO bahagian akan mengadakan mesyuarat tergempar dalam tempoh terdekat untuk berbincang dan membuat ketetapan mengenainya.

"Saya sendiri mendapat tahu mengenai keputusan beliau (Husni) menerusi Setiausaha Politikanya, Datuk Shamsul Zairil Kamaruddin, dan beliau (Shamsul Zairil) mengesahkan sendiri perkara itu kepada saya," katanya ketika dihubungi di sini, malam tadi.

Shamsul Zairil dalam satu kenyataan semalam berkata, Ahmad Husni meletak semua jawatannya dalam parti dan kerajaan.

Ia termasuk jawatan Bendahari UMNO, Bendahari Agung Barisan Nasional (BN), Timba-



UMNO bahagian akan mengadakan mesyuarat tergempar dalam tempoh terdekat untuk berbincang dan membuat ketetapan mengenainya"

Aminuddin Md Hanafiah,
Timbalan Ketua UMNO
Bahagian Tambun

lan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Timbalan Pengerusi BN Perak, Ketua UMNO Bahagian Tambun dan Pengerusi BN Parlimen Tambun.

Petang semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mengumumkan rombakan Kabinet memaklumkan mengenai peletakan jawatan Ahmad Husni sebagai Menteri Kewangan II.

Najib turut memaklumkan bahawa beliau menerima keputusan Ahmad Husni itu dan mengucapkan terima kasih di atas khidmat baktinya selama ini.

Aminuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, berkata beliau berjumpa dengan Husni dalam satu program minggu lalu dan Ahli Parlimen Tambun itu tidak memaklumkan hasrat untuk melepaskan jawatannya.